



# MOT BULETIN

Edisi 3



## KARNIVAL MOT 2018 @BENTONG

### Membawa perkhidmatan kerajaan terus kepada warga Bentong

Pada 24 Mac 2018 yang lalu, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menganjurkan satu Karnival MOT yang diadakan di Dataran Bentong, bermula dari jam 7.00 pagi sehingga 11.00 malam. Karnival yang julung-julung kali diadakan ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan Malaysia dan merekodkan lebih daripada 2,500 pengunjung yang terdiri daripada masyarakat setempat dan penduduk di sekitar kawasan Bentong.

Pelbagai acara dan pengisian menarik diatur termasuk Larian MOT Fun Run yang turut disertai oleh YB Dato' Sri Liow sepanjang 5 kilometer. Selain itu, pelbagai bentuk pameran yang disediakan seperti pameran Jabatan dan Agensi serta operator pengendali di bawah seliaan MOT, pameran kerjaya yang mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan dan info-info berhubung kerjaya di dalam sektor pengangkutan, pameran MySafe

@Bentong, pameran dron, pameran simulator kereta, pameran motosikal, pameran simulator kapal laut, pameran simulator kapal terbang, pameran kenderaan PROTON dan pameran Prime Movers.

Orang awam yang berkunjung ke Karnival MOT ini telah berpeluang mendapatkan pelbagai jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh MOT, Jabatan dan Agensinya secara langsung. Misalnya, perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seperti Kaunter pengurangan kompaun saman sehingga 50% (kecuali kes AES/AWAS, kes mahkamah, kes lebih muatan >5000kg, kes melibatkan bukan warganegara dan wakil OKS), Kaunter 1JPJ (Memperbaharui lesen memandu Malaysia, Memperbaharui Lesen Kenderaan Motor, Semak dan Bayar Saman JPJ), Pemeriksaan motosikal percuma bagi LKM tamat tempoh lebih setahun, Kaunter pendaftaran ID mySikap Orang Awam dan Kaunter pertukaran Hak Milik Kenderaan untuk kenderaan persendirian sahaja.

Selain daripada itu, perkhidmatan yang paling mendapat sambutan adalah inisiatif Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) yang menyediakan perkhidmatan penukaran topi keledar sebanyak lebih daripada 1000 unit. Malah, pihak JKJR juga turut membawa bersama mereka perkhidmatan pemeriksaan kenderaan secara sukarela (percuma) oleh PUSPAKOM, pemeriksaan motosikal percuma oleh Yamaha, penukaran minyak pelincir motosikal secara percuma untuk 200 unit terawal dengan kerjasama Shell dan Petron serta kaunter penjualan kad touch n go.

Lebih menarik lagi, pengunjung karnival juga berpeluang mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara percuma termasuk pemeriksaan pergigian percuma di klinik pergigian bergerak NBOS serta pemeriksaan perubatan TCM juga secara percuma. Malah, para pengunjung yang bertuah telah membawa pulang pelbagai hadiah cabutan bertuah di samping t-shirt Fun Run percuma bagi mereka yang mendaftar mengikuti acara larian.

Acara-acara seperti pertandingan mewarna, sukane-ka, gerai makanan, Jualan Sentuhan Rakyat dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), gerai-gerai industri kecil dan sederhana yang mempromosikan produk-produk tempatan Bentong, foodtruck serta persembahan kumpulan buskers pula turut disediakan untuk pengunjung yang membawa keluarga dan anak-anak bagi sama-sama memeriahkan karnival tersebut.

## #Info Psikologi

“ Kita tidak boleh menukar arah angin, tetapi kita boleh mengubah layar kita untuk sampai ke destinasi”



Program Jalinan Mesra MOT Bersama Pelanggan 2018 diadakan di KipMall, Kota Warisan Sepang pada 3 Mac 2018. Program ini bermula pada jam 10.00 pagi. Pelbagai aktiviti diadakan seperti pertandingan mewarna untuk kategori 3-6 tahun dan 7-10 tahun, Treasure Hunt, Pertandingan Puzzle serta soalan kuiz pentas bagi menarik pengunjung ke program ini. Selain itu, terdapat juga perkhidmatan secara terus diberikan oleh pelbagai jabatan / agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia seperti Kaunter 1JPJ, Kaunter pendaftaran ID MySikap dan pameran agensi. Terdapat 18 jabatan/agensi yang terlibat dalam program ini

## Warga Bentong bakal terima JPJ cawangan Bentong yang baru

Pada Karnival MOT 2018 @Bentong pada 24 Mac yang lalu, YB Dato' Sri Liow Tiong Lai telah menyerahkan geran tanah tapak baru bagi cadangan pembinaan bangunan JPJ cawangan Bentong yang baharu. Cadangan pembinaan bangunan baharu JPJ Bentong adalah bertujuan untuk menggantikan Pejabat JPJ Bentong sedia ada di Taman Datuk Shah Bandar Hussin.

Lokasi tapak baharu ini adalah di Jalan Chenang, Bentong berkeluasan 6,385 persegi dan bakal menempatkan bangunan utama dua tingkat, dewan serbaguna serta kawasan pemeriksaan lori. Bangunan baru ini sudah tentunya memberikan keselesaan kepada orang awam yang ingin berurusan dengan JPJ apabila dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan serta fasiliti yang mesra pelanggan serta perkakasan terkini bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan lancar dan efisien.

# DCA berwajah baru - CAAM perkenal logo rasmi



Pada 19 Februari 2018, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) secara rasminya telah menjadi sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang dinamakan sebagai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia atau Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM). Transformasi ini akan dapat membantu CAAM untuk mempertingkatkan fungsi kawal selia aspek safety dan security dengan lebih berkesan demi menjamin tahap selamat dan keselamatan dan kecekapan dalam industri penerbangan awam di negara ini.

Mengambil kesempatan sewaktu karnival MOT 2018 @Bentong tempoh hari, CAAM telah memperkenalkan logo baru mereka yang telah disempurnakan secara rasminya oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan Malaysia.

Logo baru CAAM ini bakal memberi nafas baru kepada industry penerbangan awam negara dengan ciri-ciri yang dilihat akan merencanakan pembangunan sektor ini: Warna Biru (Electric Blue) - yang melambangkan simbol perpaduan warga kerja yang mengamalkan konsep kerja berpasukan (team work).

Warna Putih - Melambangkan nilai Integriti didalam jiwa wargakerja organisasi dalam melakukan tugas.

Bentuk Oval dan aerodinamik 'pesawat kertas' - simbolik kepada visi organisasi iaitu "To be the world's leading aviation authority".

Bentuk Oval dan aerodinamik 'pesawat kertas' - simbolik kepada visi organisasi iaitu "To be the world's leading aviation authority".





Program MyLesen GDL/PSV merupakan satu lagi inisiatif Kementerian Pengangkutan di bawah National Blue Ocean Strategy (NBOS) untuk menangani isu kekurangan pemandu kargo komersial dan pemandu bas yang dihadapi oleh pihak industri. MOT bersama-sama dengan JPJ, Asian Institute of Logistic, Association of Malaysian Hauliers dan Human Resources Development Fund (HRDF) telah bekerjasama bagi mengenalpasti 2,000 peserta dari golongan B40 yang layak untuk menjalani latihan memandu di 20 institut memandu di seluruh negara dan kos pembiayaan lesen ini ditanggung sepenuhnya oleh HRDF.

## My Lesen GDL/PSV inisiatif MOT bantu golongan B40

### Masyarakat Orang Asli tidak dilupakan

Atas keprihatinan YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan kepada masyarakat orang asli khususnya di Bentong, JPJ Negeri Pahang telah mengambil inisiatif bagi membantu komuniti orang asli setempat dalam mendapatkan lesen memandu percubaan (P) Kelas B2 motorsikal untuk memudahkan kaum orang asli ini menjalankan aktiviti seharian.

Seramai lebih daripada 300 orang masyarakat orang asli di kawasan Bentong telah dikenalpasti dan berjaya mendapatkan lesen memandu percubaan kelas B2 di bawah program Satu Komuniti Satu JPJ (SKSJ) Khas Orang Asli ini.



8 Mac 2018 menandakan ulang tahun keempat tragedi menyayat hati penerbangan Malaysia Airlines (MAS) MH370 yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal. Tarikh 8 Mac 2014 akan sentiasa berada dalam ingatan kita semua. Ini sudah tentunya 4 tahun yang amat sukar dan mencabar buat keluarga dan orang tersayang penumpang dan anak kapal Penerbangan MH370 tersebut.

### MH370 dalam kenangan

Sejajar dengan itu, Penyata Interim ke-empat telah dikeluarkan oleh Pasukan Siasatan Keselamatan ICAO Annex 13 Malaysia untuk MH370, yang terdiri daripada 19 Wakil Bertauliah daripada tujuh Pertubuhan Penyiasatan Kemalangan dan Insiden Udara Antarabangsa dari Australia, China, Perancis, Indonesia, Singapura, United Kingdom, Amerika Syarikat yang diketuai oleh Malaysia mengikut konvensyen ICAO Annex 13.

Empat tahun mungkin telah berlalu, namun kenangan para penumpang dan anak kapal sentiasa ada bersama kita dan mereka akan diingati bukan sahaja oleh ahli keluarga tetapi juga oleh rakyat Malaysia dan masyarakat dunia.

Tiada satu hari pun berlalu tanpa kita berharap dan berdoa agar kita dapat mencari jawapan kepada tragedi ini kerana kita bertanggungjawab untuk menjelaskan kepada keluarga dan orang tersayang penumpang dan anak kapal MH370. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia komited dalam misi pencarian dengan operasi yang kini sedang dilaksanakan oleh syarikat Ocean Infinity untuk mencari pesawat pada 10 Januari 2018 yang lalu.

Misi ini melibatkan seramai 65 anak kapal termasuk dua (2) anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang mewakili Kerajaan Malaysia. Setakat ini kapal Seabed Constructor telah meliputi lebih daripada 20,000 kilometer persegi dalam kawasan 25,000 kilometer persegi yang paling berkemungkinan seperti yang dirumuskan oleh pakar-pakar.

Hakikatnya, inilah takwim yang sungguh bertragis bagi kita. Bagaimanapun, dalam masa-masa yang sukar ini, kita mesti menguatkan perpaduan antara kita, dalam mengenang tragedi yang begitu menyayat hati yang berlaku empat tahun yang lalu.

Komitmen kerajaan kepada keluarga dan rakyat Malaysia tetap teguh dalam usaha bagi menyelesaikan misi pencarian oleh Ocean Infinity untuk mencari jawapan kepada tragedi ini. Doa dan ingatan kita akan sentiasa bersama keluarga dan orang tersayang para penumpang dan anak kapal pesawat MH370.

